

Headline	MAIM sasar 120 usahawan asnaf perintis projek		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	54	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,897
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,691



Hab Pengeluaran Produk Usahawan Harapan

MAIM sasar 120 usahawan asnaf perintis projek

Melaka: Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sasarkan 120 usahawan asnaf terpilih bagi projek perintis Hab Pengeluaran Produk Usahawan Harapan, mampu menjana hasil jualan sebanyak RM4 juta menjelang tahun depan.

Setiausaha MAIM, Azman Aziz, berkata sasaran itu mampu dicapai melalui kerjasama asnaf bersama 19 panel pelbagai bidang dalam program fasa pertama. Pelan Strategik Pembangunan Asnaf dengan peruntukan berjumlah RM121,800, bermula 1 September depan.

Katanya, buat julung kali MAIM menjadi agensi agama pertama dalam negara menjalinkan kerjasama membabitkan golongan asnaf dan panel berkenaan bagi membantu mengeluarkan golongan itu daripada kepompong kemiskinan.

"Seramai 90 asnaf dipilih untuk mengikuti program fasa pertama, setakat ini, manakala 30 lagi dijangka menyertainya

Mereka akan diberi sumbangan, bantuan perniagaan dan bimbingan pakar daripada panel.

Azman Aziz, Setiausaha MAIM

pada 2020.

"Mereka akan diberi sumbangan, bantuan perniagaan dan bimbingan pakar daripada panel.

"Justeru, hasil jualan tahun pertama pada 2020, dijangka boleh mencecah RM4 juta dengan keuntungan pendapatan RM3,500 sebulan, bagi setiap peserta.

"Kita turut menyasarkan peningkatan peserta kepada 200 orang menjelang 2022," katanya.

Beliau berkata demikian pada



Adly merasmikan Hab Pengeluaran Produk Usahawan Harapan dan Majlis MoU bersama Panel Rakan Strategik MAIM, sambil diperhatikan Azman di Klebang, semalam. (Foto Khairunisah Lokman /BH)

Majlis Perasmian Hab Pengeluaran Produk Usahawan Harapan dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Panel Rakan Strategik MAIM, disempurnakan oleh Ketua Menteri, Adly Zahari di Klebang, di sini, semalam.

Panel terbabit antaranya, Persekutuan Komuniti Usahawan Asnaf, Melaka Halal Hub, Fazil Group, Lembaga Pemasaran Persekutuan Malaysia (FAMA), Uni-

versiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), SME Corp, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan MARA.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Gue Teck dan Mufti Melaka, Datuk Abdul Halim Tawil.

Azman berkata, sebanyak 72 jaringannya kedai panel MAIM akan memberi prospek pemasaran pro-

duk berasaskan barangan dan perkhidmatan dihasilkan melalui program itu.

"Justeru, kadar peningkatan pendapatan setiap peserta meningkat sekitar 15 peratus dengan perolehan RM63,000 setahun," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, penerima bantuan MAIM bagi fakir miskin seramai 8,109 orang bagi tahun ini berbanding 7,695 orang pada tahun lalu.